

**MIC Guna Media Baru Tarik Remaja Sertai Parti  
Bernama  
2 Oktober , 2011**

SEREMBAN, 2 Okt (Bernama) -- MIC akan menambah penggunaan media baru untuk tarik lebih ramai anak muda menyertai parti itu setelah menyedari remaja kaum India sekarang sudah celik teknologi maklumat.

Presiden parti, Datuk G. Palanivel berkata ini cabaran besar kepada parti itu untuk menarik golongan anak muda yang pada hari ini lebih berminat kepada Facebook, Twitter bukan terhadap isu-isu politik.

"Kaum India hari ini tidak seperti dahulu. Dahulu estet dikaitkan dengan orang India tetapi sekarang anak-anak muda kita dibesarkan di bandar," katanya kepada Bernama selepas menyampaikan Anugerah Pencapaian Cemerlang UPSR, SPM, STPM dan ijazah kepada 162 pelajar India di sini Ahad.

Palanivel berkata estet hari ini dipenuhi pendatang asing dan majoriti orang India sudah berada di bandar atau pinggir bandar jadi pendekatan MIC hendaklah disesuaikan dengan kehendak mereka.

Hari ini parti itu mempunyai kira-kira 600,000 anggota dan lebih 350,000 sudah mendaftar menjadi pengundi.

Menurutnya, terdapat lebih kurang 200,000 ahli yang tidak mendaftar sebagai pengundi dan beliau akan mengusahakan supaya Barisan Nasional memperoleh kelebihan setengah juta undi daripada anggota MIC.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617169>